

# KL dipilih tuan rumah IFSB

UMH 4 NOV 2002

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah Sekretariat Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) yang berperanan meyelia peraturan bagi industri perkhidmatan kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

Pemilihan itu selaras dengan penubuhan IFSB yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Dengan pemilihan itu, Bank Negara dilantik sebagai pusat kepada bank-bank pusat bagi sembilan negara Islam yang bertanggungjawab merumuskan peraturan dan penyeliaan antarabangsa yang standard bagi perbankan dan kewangan Islam.

Selain Malaysia, sembilan lagi negara pengasas lembaga itu menjadi anggota IFSB iaitu Bahrain, Indonesia, Iran, Kuwait, Lebanon, Pakistan, Arab Saudi, Sudan dan Amiriah Arab Bersatu (UAE).

Sempena pelancaran itu, satu perjanjian tata urusan mengenai IFSB ditandatangani di kalangan 10 gabenor bank pusat negara-negara terbabit.

Pada majlis yang disaksikan oleh Dr. Mahathir itu, Malaysia diwakili oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

IFSB ditubuhkan oleh kumpulan bank-bank pusat, agensi kewangan dan pertubuhan antarabangsa sejak dua tahun lalu bagi merumuskan peraturan dan penyeliaan antarabangsa

yang standard bagi perbankan dan kewangan Islam.

Lembaga itu berperanan sebagai sebuah persatuan bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan antarabangsa yang bertanggungjawab bagi peraturan dan penyeliaan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Sementara itu, dalam perutusan sempena perasmian IFSB, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan yakin lembaga itu mampu berperanan memastikan kestabilan pembangunan perbankan dan kewangan Islam di peringkat global.

Dengan tertubuhnya IFSB, menurut beliau, ia akan meningkatkan kewibawaan sistem kewangan Islam dalam saingan dunia perbankan serta menyumbang ke arah pengukuhan struktur kewangan antarabangsa.

"IFSB dijangka menjadi pemangkin penting bagi memperkukuhkan daya tahan institusi kewangan Islam yang beroperasi di seluruh dunia serta menggariskan landasan penting bagi kemajuan dalam pembangunan kewangan Islam global," jelasnya.

Setelah melalui pelbagai cabaran, Dr. Mahathir menambah, sistem kewangan Islam berjaya mewujudkan satu sempadan baru dalam dunia perbankan.

Sistem kewangan Islam juga, kata beliau, berjaya membuktikan daya saingnya yang menjadikan ia semakin matang dalam menghadapi cabaran.